

**FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PERBEZAAN PENCAPAIAN
AKADEMIK PELAJAR LEPASAN DIPLOMA POLITEKNIK DAN
MATRIKULASI TERHADAP SUBJEK KEJURUTERAAN**

ABDUL MUQSITH BIN AHMAD

Projek Sarjana ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Jabatan Ikhtisas Pendidikan

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JUN, 2013

ABSTRAK

Tahap pencapaian akademik setiap manusia berbeza antara satu sama lain. Perbezaan ini berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor yang mempengaruhinya. Kajian deskriptif ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi perbezaan pencapaian akademik pelajar tahun empat terhadap subjek mekanik mesin, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, lepasan diploma politeknik dan matrikulasi di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor. Kajian ini tertumpu kepada tiga persoalan kajian iaitu sikap, pengetahuan sedia ada dan kemahiran belajar. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik. Nilai kebolehpercayaan kajian ini adalah $\alpha = 0.781$. Kajian berbentuk tinjauan yang menggunakan data kuantitatif. Persampelan dibuat secara rawak. Borang soal selidik merupakan instrumen yang akan digunakan dan daripada data yang diperolehi, analisis secara deskriptif dan inferensi akan dilakukan. Data di analisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for Science Social (SPSS 16.0)*. Dapatan kajian mendapati terdapat perbezaan yang signifikan terhadap faktor sikap dan kemahiran belajar antara dua kumpulan ini. Namun didapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara dua kumpulan ini terhadap faktor pengetahuan sedia ada. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan sedia ada dengan pencapaian akademik pelajar lepasan diploma politeknik. Bagi pelajar lepasan matrikulasi pula, didapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan sedia ada dengan pencapaian akademik. Melalui kajian ini, tindakan boleh diambil untuk memperbaiki tahap pencapaian akademik pelajar diantaranya terhadap pelajar, pendidik dan institusi.

Katakunci : pencapaian akademik, lepasan diploma, lepasan matrikulasi, subjek kejuruteraan

ABSTRACT

Academic achievements for all human beings are different from each other. These differences occur due to various factors that affect it. This descriptive study aimed to identify the factors that affect students' academic achievement in the subject of Machine Mechanics in Faculty of Mechanical and Manufacturing Engineering, for Polytechnic and Matriculation graduates that enroll in Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor. This study focused on three difference areas which are attitude, existing knowledge and skills learned. The data from this study is collected using questionnaires. The reliability value of this study is $\alpha = 0.781$. This study use quantitative data with random sampling. Questionnaire is the instrument to be used in collecting the data and analysis will be performed using descriptive and inferential statistical. Data were analyzed using *Statistical Packages for Social Science (SPSS 16.0)*. Results showed that there were significant differences in attitudes and learning skills between these two groups but there were no significant difference in the factor of existing knowledge. The result also showed a significant relationship between existing knowledge and academic achievement of Polytechnic diploma graduates. There is no significant relationship between existing knowledge and academic achievement of matriculation graduates. Through this study, action can be taken to improve the students' academic achievement from the perspective of the student himself, educators and also institutions.

Keywords: academic achievement, Polytechnic graduates, Matriculation graduates, engineering subjects

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
	SENARAI SINGKATAN	xvii
BAB 1	Pengenalan	
	1.0 Pengenalan	1

1.1	Latar belakang masalah	3
1.2	Penyataan Masalah	5
1.3	Tujuan kajian	5
1.4	Objektif kajian	6
1.5	Persoalan Kajian	6
1.6	Hipotesis Kajian	7
1.7	Skop Kajian	7
1.8	Kepentingan Kajian	8
1.9	Batasan Kajian	8
1.10	Kerangka Konsep	9
1.10	Definisi Operasional	11
1.11	Rumusan	12
 BAB 2 KAJIAN LITERATUR		
2.0	Pengenalan	13
2.1	Kajian Tentang Sikap	13
2.1.1	Komponen Sikap	13
2.1.2	Sifat sikap	15
2.1.3	Ciri-ciri sikap	15
2.1.4	Faktor-Faktor Mempengaruhi Sikap	16
2.1.5	Kajian Lepas Tentang Sikap	17
2.2	Kajian Tentang Pengetahuan Sedia Ada	18

2.2.1	Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham	19
2.2.2	Pendekatan Konstruktivisme	21
2.2.3	Kajian Lepas Tentang Pengetahuan Sedia Ada	22
2.3	Kajian Kaedah Pembelajaran Pelajar	23
2.3.1	Kemahiran belajar	23
2.3.2	Kemahiran Membaca	23
2.3.3	Kemahiran Menulis Nota	24
2.3.4	Kemahiran Mengurus Masa	28
2.3.5	Kemahiran Mendengar	30
2.3.6	Kemahiran Membuat Rujukan	32
2.3.7	Kemahiran Menghadapi Peperiksaan	33
2.3.8	Kajian Lepas Mengenai Kaedah Belajar	34
2.4	Rumusan	35

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pendahuluan	36
3.1	Rekabentuk Kajian	36
3.2	Populasi Dan Sampel Kajian	37
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	38
3.4	Instrumentasi Kajian	39
3.4.1	Bahagian I : Maklumat Latar Belakang	
	Responden	39

3.4.2	Bahagian II : Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Perbezaan Pencapaian Pelajar Dalam Menguasai Subjek Mekanik Mesin	40
3.5	Kajian Rintis	40
3.6	Prosedur Kajian	41
3.7	Rumusan	43
BAB 4	ANALISIS DATA	
4.1	Pendahuluan	44
4.2	Analisis Soal Selidik	44
4.3	Analisis Bahagian 1 – Data Demografi	45
4.4	Analisis Item	48
4.4.1	Analisis Item Bagi Aspek Sikap	48
4.4.2	Analisis Item Bagi Aspek Pengetahuan Sedia Ada	50
4.4.3	Analisis Item Bagi Aspek Kemahiran Belajar	52
4.5	Perbandingan Dapatan Bagi Semua Faktor Yang Dikaji	55
4.6	Ujian Normaliti Bagi Taburan Data	56
4.7	Ujian T	57
4.7.1	Analisis Ujian T Bagi Faktor Sikap	57
4.7.2	Analisis Ujian T Bagi Faktor Pengetahuan Sedia Ada	58
4.7.3	Analisis Ujian T Bagi Faktor Kemahiran Belajar	59

4.8	Keputusan Analisis Inferensi	60
4.8.1	Hubungan Antara Faktor Pengetahuan Sedia Ada dengan Pencapaian Pelajar Lulusan Politeknik	60
4.8.2	Hubungan Antara Faktor Pengetahuan Sedia Ada dengan Pencapaian Pelajar Lulusan Matrikulasi	62
4.9	Rumusan	63

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	64
5.2	Perbincangan Bahagian A : Demografi	64
5.3	Persoalan 1 : Adakah Terdapat Perbezaan Sikap Yang Signikan Diantara Pelajar Lulusan Politeknik dan Matrikulasi?	65
5.4	Persoalan 2 : Adakah Terdapat Perbezaan Pengetahuan Sedia Ada Yang Signikan Diantara Pelajar Lulusan Politeknik dan Matrikulasi?	67
5.5	Persoalan 3 : Adakah Terdapat Perbezaan Kemahiran Belajar Yang Signikan Diantara Pelajar Lulusan Politeknik dan Matrikulasi?	69
5.6	Persoalan 4 : Mengkaji Hubungan Diantara Faktor Pengetahuan Sedia Ada Terhadap Pencapaian Akademik?	71
5.7	Cadangan	73
5.7.1	Cadangan Kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	73
5.7.2	Cadangan Kepada Pensyarah	74

5.7.3	Cadangan Kepada Pelajar	74
5.7.4	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	75
5.8	Kesimpulan	75
	RUJUKAN	77

SENARAI SINGKATAN

ABBM	Alat Bahan Bantu Mengajar
CGPA	Cummulative Grade Pointer Average
FKMP	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Dan Pembuatan
Ho	Hipotesis null
Ha	Hipotesis alternatif
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
JERI	Jasmani, emosi, rohani dan intelek
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPMV	Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional
SPSS	<i>Statistical Packages for Science Social</i>
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka konsep kajian	10
-----	------------------------	----

Senarai Lampiran

- A Analisis Data SPSS
- B Surat Pengesahan Soal Selidik
- C Surat Pengesahan kajian
- D Borang Soal Selidik

SENARAI JADUAL

3.1	Bilangan populasi dan sampel ujian	38
3.2	Skala Likert	38
3.3	Jadual tahap kecenderungan min	41
3.4	Garis panduan tafsiran pekali korelasi	42
3.5	Analisis data	43
4.1	Jadual Tafsiran Min	45
4.2	Tahap Pengukuran Korelasi	45
4.3	Analisis Demografi Responden	46
4.4	Skor Min dan Sisihan Piawai Faktor sikap	48
4.5	Skor Min dan Sisihan Piawai Faktor Pengetahuan Sedia Ada	50
4.6	Skor Min dan Sisihan Piawai Faktor Kemahiran Belajar	52
4.7	Perbandingan Purata Min dan Sisihan Piawai	55
4.8	Analisis Taburan Normaliti Data	56
4.9	Analisis T-Test Bagi Faktor Sikap	57
4.10	Analisis T-Test Bagi Faktor Pengetahuan Sedia Ada	58
4.11	Analisis T-Test Bagi Faktor Kemahiran Belajar	59
4.12	Analisis Korelasi antara Faktor Pengetahuan Sedia Ada dengan Pencapaian Pelajar Lulusan Politeknik	61

4.13	Analisis Korelasi antara Faktor Pengetahuan Sedia Ada dengan Pencapaian Pelajar Lepas Matrikulasi	62
------	--	----

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Pendidikan di Malaysia telah banyak berubah dan kini ianya bertambah mantap terutama dalam awal abad ke-21 ini. Perubahan ini selaras dengan perkembangan ekonomi negara yang sedang meningkat dari semasa ke semasa. Pendidikan dan masyarakat tidak boleh dipisahkan, sama ada di negara maju, negara membangun mahupun negara mundur. Berdasarkan perkara tersebut maka kerajaan terus membiayai institusi pendidikan dengan kepercayaan bahawa pendidikan itu ialah alat untuk membawa kemajuan yang sejajar dengan kehendak dan aspirasi sesuatu masyarakat mengikut perkembangan semasa. Sebagai sebuah negara ketiga yang sedang maju, Malaysia perlu menempuhi pelbagai jenis pembangunan termasuk bidang pendidikan. Walau bagaimanapun mutu pendidikan negara perlu ditentukan oleh nilai dan kehendak masyarakat itu sendiri.

Bagi masyarakat Malaysia, kriteria bagi mutu pendidikan ialah pendidikan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) iaitu mampu menghasilkan masyarakat yang percaya kepada Tuhan, bersatu padu, berketrampilan, memiliki sahsiah yang seimbang dan sepadu, bertanggungjawab, bermotivasi dan berkemampuan mencapai kesejahteraan diri serta menyumbang ke arah keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara seperti yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Negara (1987). Konsep ini merupakan lanjutan dari Dasar Pelajaran Kebangsaan. Pihak kerajaan melahirkan hasrat bagaimana individu yang diperlukan dan mesti dihasilkan. Sekolah pula menyediakan prasarana dan peluang untuk

merealisasikan hasrat tersebut melalui proses pendidikan. Masyarakat pula menyediakan suatu suasana yang kondusif untuk individu pelajar berkembang. Manakala ibu bapa mempunyai aspirasi tersendiri terhadap perkembangan anak-anak mereka dari segi akademik, sosial dan emosi termasuk aspek konsep sendiri dan motivasi pencapaian. Justeru itu dalam proses pendidikan, keempat-empat komponen di atas perlu bekerjasama dan saling bantu membantu untuk melahirkan individu yang seimbang sesuai dengan Falsafah Pendidikan Negara yang dinyatakan.

Kemajuan sesebuah negara bukan sahaja di dorong oleh masyarakat yang berilmu dan berpendidikan tetapi merangkumi keseluruhan pembangunan diri setiap individu. Manusia yang berjaya adalah manusia yang berilmu, berakhlak mulia dan berketerampilan hasil kecerdikan akalnya, kesedaran dalam dan kesejahteraan jasmaninya. Para pelajar dituntut melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu dan kemahiran dalam usaha mewujudkan generasi bestari dan berdaya saing. Dalam zaman ledakan maklumat ini, pengetahuan, kemahiran dan kepakaran dalam menguasai ilmu amat diperlukan (Hishammudin Hussein, 2005) dipetik dalam utusan Malaysia.

Pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan selalunya dikatakan pelajar yang pintar cerdas atau berbakat dan mempunyai kebolehan yang lebih tinggi berbanding rakan seusia mereka. Walaupun begitu, tiada satupun himpunan sifat yang tetap bagi pelajar yang pintar cerdas ini, tetapi setiap orang pelajar adalah insan ciptaan tuhan yang memiliki kekuatan dan kelemahan diri yang tertentu. Kebolehan kognitif pelajar yang cemerlang ini selalunya di miliki secara bersendirian, tetapi mereka tetap memerlukan bimbingan orang yang lebih dewasa seperti ibubapa, guru, pentadbir sekolah dan rakan seperjuangan untuk mengembangkan potensi mereka ke tahap yang optimum (Nik Aziz, 1990). Abdul Rahman an-Nahlawi (1995) pula menyatakan iklim sekolah yang berkesan mampu mewujudkan integrasi dan keharmonian sesama pelajarnya yang berbeza status sosio-ekonomi mereka (SES). Selain itu, sekolah juga mampu mengurangkan perbezaan-perbezaan sesama mereka. Pihak sekolah juga boleh mewujudkan kerjasama dengan keluarga pelajar. Hubungan yang mesra di antara sekolah dan keluarga akan membentuk pendidikan yang lebih sempurna bagi pelajar-pelajarnya.

Pada masa ini, kerajaan sentiasa memberi perhatian yang serius kepada prestasi akademik pelajar samada di sekolah mahupun di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam atau swasta. Ini kerana golongan inilah yang akan menerajui kepimpinan

kelak. Jadi tidak hairanlah isu kecemerlangan akademik pelajar sentiasa menjadi isu perbincangan yang hangat dan sering mencuri perhatian masyarakat mahupun media. Pencapaian akademik pelajar sering dilihat dengan kebolehan yang terdapat pada pelajar itu. Namun tidak boleh dinafikan bahawa ada faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi pencapaian mereka terutamanya pelajar di universiti.

1.1 Latar belakang masalah

Pembelajaran di institusi-intituti pengajian tinggi adalah pembelajaran formal yang berorientasikan kepada teori pencapaian yang dinilai dan disahkan oleh pihak tertentu disamping penghargaan melalui penganugerahan ijazah. Matlamat sesebuah institusi pengajian tinggi adalah jelas iaitu melahirkan graduan yang berjaya dalam pencapaian akademik dan sahsiah. Secara amnya pencapaian akademik adalah penentu kepada taraf pencapaian individu dalam sesuatu peperiksaan rasmi yang diambildan peperiksaan awam dibawah Kementerian Pelajaran. Menurut Carter V.Good (1973) dalam Abdul Jalil (1997), pencapaian adalah sebagai penyelesaian dan kecekapan yang diperolehi dalam sesuatu kemahiran, pengetahuan atau kemajuan yang diperolehi secara semulajadi yang tidak terlalu bergantung kepada kecerdasan akal fikiran. Kerlinger (1973) dalam Ahmad Rizal Madar (2005) menakrifkan pencapaian akademik secara operasional melalui suatu ujian berasaskan penilaian guru dalam sesuatu ujian. Selaras dengan itu, segala permasalahan yang berlaku dalam proses pembelajaran ini akan menggalakkan usaha dan cita-cita sesebuah intituti pengajian tinggi selain mempunyai minda yang cemerlang, terdapat faktor lain yang akan mempengaruhi pencapaian akademik mereka.

Tiap-tiap usaha pembangunan akan melibatkan tenaga teknikal. Bahkan pesat atau tidaknya rancangan pembangunan sesuatu negara itu adalah bergantung kepada cukup atau tidaknya tenaga teknikal di negara tersebut. Kejuruteraan merupakan salah satu cabang di dalam bidang pendidikan teknikal. Politeknik merupakan institusi pendidikan yang bernaung di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia serta mengambil bahagian dalam menyediakan pendidikan yang berteknologi bagi melahirkan para pekerja yang dapat memenuhi keperluan industri negara dalam tujuan untuk membantu meningkatkan pembangunan dan martabat negara Malaysia amnya. Matrikulasi pula merupakan satu program persediaan bagi

pelajar untuk melayakkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Pertama. Program Pra-Universiti ini telah dikendalikan oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) lebih 30 tahun yang lalu dengan cara dan corak pelaksanaan yang berbeza dan hasil dari program pra-universiti ini telah melahirkan banyak cendekiawan dan tenaga mahir dalam bidang profesional dan kritikal. Kemudian ianya diambil alih oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, (Portal, KPM)

Pengalaman peribadi pengkaji sendiri, memang wujud perbezaan diantara pelajar lepasan diploma berbanding lepasan matrikulasi di kalangan pelajar program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal di UTHM. Antaranya adalah pelajar lepasan matrikulasi sinonim dengan mata pelajaran bukan kejuruteraan seperti Bahasa Inggeris, Matematik, Fizik dan Kimia kerana mereka adalah bekas pelajar berprestasi cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Bagaimanapun, mereka dikaitkan dengan imej ulat buku, kurang matang dan kurang cekap dalam mata pelajaran kejuruteraan. Manakala pelajar dari kalangan lepasan diploma politeknik pula dikaitkan dengan imej sebagai pelajar lebih matang, lebih cekap dalam mata pelajaran-mata pelajaran kejuruteraan tetapi kurang cekap dalam mata pelajaran umum seperti bahasa Inggeris, matematik, fizik dan juga kimia.

Pengkaji membuat tinjauan awal dengan menemuramah beberapa pensyarah serta pelajar lepasan politeknik dan matrikulasi secara rawak. Hasilnya dapat dirumuskan bahawa memang wujud perbezaan diantara keduanya terutamanya dari segi sikap dan juga cara belajar. Rata-rata pelajar lepasan politeknik mengatakan mereka lebih suka belajar secara berkumpulan dan belajar di minit-minit terakhir manakala pelajar lepasan matrikulasi pula lebih gemar belajar sendirian dan tidak suka mengulangkaji pelajaran disaat-saat akhir. Pensyarah pula menyatakan sikap yang ditunjukkan pelajar politeknik pula lebih matang dari segi pemikiran terutamanya dalam mata pelajaran kejuruteraan namun kurang berdisiplin contohnya selalu datang lewat. Bagi pelajar lepasan matrikulasi pula, pensyarah menyatakan yang mereka kurang matang namun mereka lebih berdisiplin. Mereka juga tidak dapat bekerjasama dengan baik jika ianya melibatkan tugas berkumpulan dan hal ini berbeza dengan pelajar lepasan politeknik. Kebiasaannya pelajar lepasan politeknik dapat melakukan tugas mereka dengan lebih baik berbanding pelajar lepasan matrikulasi jika ianya melibatkan mata pelajaran kejuruteraan. Hal ini mungkin disebabkan kebanyakan pelajar lepasan politeknik mempunyai pengalaman

dalam pekerjaan dan mudah memahami konsep-konsep kejuruteraan berbanding pelajar lepasan matrikulasi yang cetek pengalaman.

Oleh itu, bagi memenuhi kehendak dan cabaran pendidikan teknikal masa kini penguasaan pelajar dalam bidang yang diceburi haruslah mantap. Justeru itu kemahiran atau kepakaran dalam mata pelajaran – mata pelajaran kejuruteraan amatlah penting. Namun biasanya terdapat beberapa faktor yang menjadi kekangan untuk pada para pelajar untuk menjadi cemerlang dalam bidang yang diceburi seperti latar belakang seseorang pelajar dan tahap pontensi serta intelek individu. Dengan ini faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar haruslah dikenal pasti dan ditangani memandangkan pentingnya untuk melahirkan graduan yang boleh berfikir dan menyumbang idea mereka untuk memajukan masyarakat dan negara pada masa depan.

1.2 Penyataan Masalah

Sijil matrikulasi dan Diploma Politeknik adalah dua kelayakan berbeza antara satu sama lain. Perbezaan profil kemasukan ke UTHM ini jelas menunjukkan terdapat jurang perbezaan pencapaian. Apabila melangkah masuk mengikuti Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal, sudah pastinya terdapat jurang perbezaan diantara mereka bagi sesetengah mata pelajaran yang perlu diambil. Hal ini sedikit sebanyak menjejaskan prestasi fakulti serta Universiti itu sendiri.

Berasaskan daripada latar belakang kepada masalah yang disebut diatas, maka pernyataan masalah ini adalah menjurus ke arah mencari faktor yang mempengaruhi perbezaan pencapaian akademik diantara kumpulan pelajar lepasan diploma politeknik dan kumpulan pelajar lepasan matrikulasi dalam subjek Mekanik Mesin bagi Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal, di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini dijalankan untuk bertujuan untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi perbezaan pencapaian akademik dikalangan pelajar lepasan

politeknik dan matrikulasi dalam subjek Mekanik Mesin, pelajar tahun akhir Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, lepasan diploma politeknik dan matrikulasi di UTHM.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi perbezaan pencapaian akademik dalam subjek mekanik mesin, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, lepasan diploma politeknik dan matrikulasi di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Secara khususnya objektif kajian adalah untuk :

- i) Menenalpasti perbezaan sikap dalam proses pembelajaran diantara pelajar lepasan politeknik dan matrikulasi
- ii) Menenalpasti perbezaan pengetahuan sedia ada dalam proses pembelajaran diantara pelajar lepasan politeknik dan matrikulasi
- iii) Menenalpasti perbezaan kaedah pembelajaran dalam proses pembelajaran diantara pelajar lepasan politeknik dan matrikulasi
- iv) Mengkaji hubungan faktor pengetahuan sedia ada terhadap pencapaian akademik pelajar lepasan politeknik dan matrikulasi

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini ialah :-

- (i) Adakah terdapat perbezaan sikap yang signifikan dalam proses pembelajaran diantara pelajar lepasan politeknik dan matrikulasi?
- (ii) Adakah terdapat perbezaan pengetahuan sedia ada yang signifikan dalam proses pembelajaran diantara pelajar lepasan politeknik dan matrikulasi?
- (iii) Adakah terdapat perbezaan kaedah pembelajaran yang signifikan dalam proses pembelajaran diantara pelajar lepasan politeknik dan matrikulasi?

- (iv) Adakah terdapat hubungan yang signifikan faktor pengetahuan sedia ada terhadap pencapaian akademik pelajar lepasan politeknik dan matrikulasi?

1.6 Hipotesis Kajian

Ha : Terdapat terdapat perbezaan sikap yang signifikan dalam proses pembelajaran diantara pelajar lepasan politeknik dan matrikulasi

Ho : Tidak terdapat terdapat perbezaan sikap yang signifikan dalam proses pembelajaran diantara pelajar lepasan politeknik dan matrikulasi

Ha : Terdapat perbezaan pengetahuan sedia ada yang signifikan dalam proses pembelajaran diantara pelajar lepasan politeknik dan matrikulasi

Ho : Tidak terdapat perbezaan pengetahuan sedia ada yang signifikan dalam proses pembelajaran diantara pelajar lepasan politeknik dan matrikulasi

Ha : Terdapat perbezaan kaedah pembelajaran yang signifikan dalam proses pembelajaran diantara pelajar lepasan politeknik dan matrikulasi

Ho : Tidak terdapat kaedah pembelajaran yang signifikan dalam proses pembelajaran diantara pelajar lepasan politeknik dan matrikulasi

Ha : Terdapat hubungan yang signifikan diantara faktor pengetahuan sedia ada dengan pencapaian pelajar lepasan diploma politeknik dan matrikulasi

Ho : Tidak terdapat hubungan yang signifikan diantara faktor pengetahuan sedia ada dengan pencapaian pelajar lepasan diploma politeknik dan matrikulasi

1.7 Skop Kajian

Kajian ini hanya terbatas kepada pelajar tahun empat di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, UTHM. Kajian ini difokuskan kepada faktor yang mempengaruhi perbezaan pencapaian akademik pelajar lepasan politeknik dan matrikulasi. Selain itu, kajian ini juga hanya tertumpu kepada faktor sikap, pengetahuan sedia ada, dan kaedah belajar.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk memberi gambaran dan maklumat yang jelas apakah faktor-faktor perbezaan pencapaian akademik dalam subjek mekanik mesin, pelajar tahun empat, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, lepasan diploma politeknik dan matrikulasi di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Gambaran yang lebih jelas akan terjawab apabila bidang yang dikaji dibahagikan kepada bidang-bidang yang spesifik seperti sikap, pengetahuan sedia ada, dan kaedah belajar. Perkara ini perlu di titik beratkan oleh pihak pendidik, institusi pengajian malah pelajar-pelajar itu sendiri dalam usaha mengekalkan kecemerlangan. Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan seperti berikut :

- i. Membantu pelajar supaya berusaha dengan lebih gigih lagi dalam pelajaran bagi mencapai dan mengekalkan kecemerlangan akademik mereka.
- ii. Memberi panduan kepada pendidik untuk mempertingkatkan penyampaian mereka dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan bagi membantu pelajar lebih cemerlang dalam akademik mereka.


1.9 Batasan Kajian

Semasa menjalankan kajian, terdapat beberapa batasan kajian yang dihadapi oleh penyelidik. Antaranya ialah kekangan dari segi masa, kos dan juga kaedah yang diguna pakai. Hal ini akan memberi kesan kepada penyelidikan yang dilakukan. Batasan tersebut adalah seperti berikut :

- i. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kajian soal selidik. Dengan ini, segala maklumat mengenai responden adalah berdasarkan maklum balas melalui soal selidik. Oleh itu, kebolehpercayaan dapatan kajian bergantung kepada kesungguhan dan keikhlasan responden menjawab item-item di dalam soal selidik.
- ii. Responden yang terlibat hanyalah pelajar tahun akhir di FKMP, UTHM.
- iii. Subjek kejuruteraan yang dipilih hanya terbatas kepada Mekanik Mesin.

1.10 Kerangka Konsep

Kerangka konsep seperti Rajah 1.1 merupakan asas kajian bagi pengkaji dalam melaksanakan kajian ini. Kerangka konsep ini dibina bagi mengkaji tahap pencapaian akademik dalam subjek mekanik mesin di kalangan pelajar tahun empat, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Berdasarkan kajian ini, tahap pencapaian akademik dikaji hanya melibatkan 3 elemen sahaja. Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konsep bagi kajian ini.



Rajah 1.1 : Kerangka konsep kajian

Adaptasi dari Model Proses Pendidikan Bryant (1974), dalam Alias Baba (1989)

1.11 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, terdapat beberapa definisi yang digunakan penyelidik bagi menerangkan sesuatu perkara dengan lebih jelas selari dengan makna atau maksud yang hendak diutarakan.

i) Pencapaian Akademik

Carter (1973), mentakrifkan bahawa pencapaian adalah sebagai penyelesaian atau kecekapan yang diperolehi dalam sesuatu kemahiran yang diberi atau pengetahuan atau kemajuan di sekolah. Secara teori berbeza dengan kecerdasan tetapi secara halus dikaitkan dengannya. Azman Idris (1994), menyatakan bahawa pencapaian akademik merupakan apa yang dihasilkan atau yang diperolehi oleh seseorang dalam sesuatu pembelajaran. Dalam kajian ini pencapaian akademik diukur melalui keputusan yang diperolehi oleh pelajar terhadap subjek kejuruteraan.

ii) Pelajar lepasan diploma

Lepasan merupakan asalan dari perkataan lepas yang bermaksud tidak terikat atau bebas. Manakala diploma pula merujuk kepada peringkat pelajaran selepas sekolah menengah iaitu selepas tamat SPM/SPMV. Dalam kajian ini, ia merujuk kepada pelajar yang telah mendapat sijil diploma dari politeknik dan meneruskan pengajian di peringkat sarjana muda di UTHM.

iii) Pelajar Matrikulasi

Matrikulasi adalah pembelajaran selama setahun atau dua tahun bagi pelajar lepasan SPM sebelum mereka melangkah ke program Ijazah di universiti. Dalam kajian ini, pelajar matrikulasi merujuk kepada pelajar yang telah mendapat sijil matrikulasi dan meneruskan pengajian di peringkat sarjana muda di UTHM.

iv) Subjek Kejuruteraan

Merupakan mata pelajaran kejuruteraan yang berkaitan mesin, haba, loji dan sebagainya sebagaimana yang terkandung dalam silibus mekanikal. Manakala dalam kajian ini, subjek kejuruteraan yang dimaksudkan adalah Mekanik Mesin.

1.10 Rumusan

Secara keseluruhannya, di dalam bab 1 ini telah membincangkan tentang latar belakang masalah, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka konsep, skop kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian dan definisi yang digunakan dalam kajian ini. Bab seterusnya akan membincangkan sorotan kajian serta melihat kajian-kajian yang telah dijalankan terhadap faktor yang dipilih oleh penyelidik.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Bab dua akan membincangkan mengenai kajian-kajian serta keputusan yang diperolehi daripada hasil penyelidikan yang lepas. Banyak kajian yang telah dijalankan dalam mengkaji dan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar. Pelbagai model proses pendidikan telah dibina oleh para penyelidik untuk menunjukkan secara keseluruhan faktor-faktor yang mempunyai perkaitan dengan hasil pembelajaran pelajar khususnya pencapaian pelajar.

2.1 Kajian Tentang Sikap

Sikap atau *attitude* adalah suatu konsep paling penting dalam psikologi sosial. Banyak kajian dilakukan untuk merumuskan pengertian sikap, proses terbentuknya sikap, mahupun proses perubahannya, tidak kurang juga penelitian yang telah dilakukan terhadap sikap untuk mengetahui kesan dan peranannya baik sebagai pembolehubah bersandar mahupun pembolehubah bebas (Bohner, 2002).

2.1.1 Komponen Sikap

Menurut ahli psikologi sikap boleh dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu afektif, perilaku (behavioral), dan kognitif (Rajecki,1989). Komponen afektif

menjurus kepada perasaan terhadap sesuatu objek, manakala komponen perilaku pula ialah kecenderungan untuk bertindak pada tingkah laku tertentu yang berkait dengan sikap kita. Komponen kognitif pula merujuk kepada pengetahuan dan kepercayaan seseorang individu terhadap suatu objek. Walaupun sikap dapat dibahagikan kepada tiga komponen, namun ketiga-tiga komponen tersebut saling berkait rapat dalam pembentukan dan pementapan sikap seseorang individu.

2.1.2 Sifat Sikap

Sikap itu tidak bererti selagi sikap positif menjanjikan ganjaran atau keuntungan manakala untuk sikap negatif pula hanya membawa kepada hukuman atau kerugian (Bohner, 2002). Sikap juga membantu dalam mengkategorikan golongan manusia, di mana manusia dapat dikategorikan mengikut sikap mereka yang berbeza (contohnya konservatif atau feminis, (Hymes,1986). Sikap juga bukan hanya mempengaruhi tingkah laku dan sikap orang lain, tetapi menunjukkan bagaimana kita memproses maklumat berhubung dengan sikap terhadap objek (Pratkanis, 1989). Dalam dunia teknologi kini, faktor psikologi seperti sikap ini semakin dilupakan, namun dengan adanya kajian terhadap sikap, sedikit sebanyak memberi gambaran bahawa sikap masih memainkan peranan yang penting.

Mohamad Daud (1997), telah mendefinisikan bahawa sikap pelajar belajar sebagai sikap dan nilai yang mereka beri terhadap pengajaran guru mereka, samada bersikap negatif atau positif. Pelajar yang bersikap positif biasanya akan menghargai sumbangan guru dan mementingkan pengajarannya. Pelajar yang bersikap negatif pula akan selalu merasa tidak puas hati, cepat merasa bosan dan kurang minat terhadap gurunya. Dalam sebuah rencana oleh Kassim A. Kadir (1998), Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Prof. Dr. Mohd Zulkifli Tan Sri Mohd Ghazali menyatakan kelemahan pelajar dalam bidang akademik tidak sepatutnya dilihat sebagai satu aspek sahaja. Diantara faktor yang dikenal pasti ialah faktor sikap pelajar itu sendiri. Sikap pelajar adalah berbeza antara satu sama lain ketika menghadapi pelajaran. “Kebiasaannya pelajar lelaki lebih bersikap terbuka dan tidak menumpukan perhatian terhadap satu perkara sahaja pada satu-satu masa berbanding pelajar wanita. Sikap pelajar lelaki ini sedikit sebanyak mengganggu tumpuan terhadap proses pembelajaran”, kata beliau.

Penyataan ini disokong oleh Shaughnessy dan Haldyna (1985) dimana menurut mereka perhatian kepada sikap pelajar adalah penting kerana sikap mungkin mempunyai pertalian dengan pencapaian akademik pelajar. Kepentingan sikap pelajar dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar juga dibicarakan oleh tokoh-tokoh pendidik yang lain seperti Remmers dan Gage (1943), Cohen (1996) Smith (1979) dan Patrick (1982).

Menurut Aminah (2008), dalam kajiannya mendapati bahawa sikap pelajar Melayu terhadap pembelajaran kurang menggalakkan apabila 73 peratus tidak suka membuat latihan tambahan, 50 peratus gagal menyelesaikan kerja rumah dan 48 peratus terlalu bergantung kepada guru (Utusan Malaysia, 17 Jun 2008). Kesimpulannya, sikap merupakan satu himpunan perasaan, suka atau tidak suka terhadap sesuatu niat, pemikiran idea atau seseorang. Sikap negatif pelajar terhadap pelajaran dan guru menimbulkan masalah kepada pelajaran. Guru amat dituntut menimbulkan sikap positif dalam diri guru dan mata pelajaran yang diajar. Usaha begini boleh menimbulkan sikap positif pada pelajar untuk belajar. Selain itu sikap merupakan suatu pembolehubah yang sangat penting dalam menentukan kejayaan objektif pengajaran. Sikap pelajar merupakan satu aspek penting serta perlu dipertimbangkan ketika membuat penilaian terhadap pencapaian akademik pelajar.

2.1.3 Ciri-ciri Sikap

Ciri-ciri sikap adalah : (Heri Purwanto, 1998)

- i. Sikap bukanlah sejak dari lahir melainkan ianya dibentuk atau dipelajari sepanjang perkembangan pembesarannya. Sifat ini yang membezakan dengan sifat-sifat seperti lapar, haus, berehat dan sebagainya.
- ii. Sikap boleh berubah mengikut keadaan tertentu bagi seseorang itu tambahan pula sikap itu mudah dipelajari.
- iii. Sikap tidak terbentuk sendiri tetapi sentiasa mempunyai hubungan tertentu terhadap sesuatu objek dengan kata lain sikap terbentuk, dipelajari apabila sesuatu objek itu dapat dirumuskan dengan jelas.
- iv. Sikap juga mempunyai sifat-sifat motivasi dan sifat-sifat perasaan.

2.1.4 Faktor-Faktor Mempengaruhi Sikap

Faktor-faktor yang mempengaruhi sikap terhadap seseorang individu ialah (Azwar, 2005) :

- i. Pengalaman peribadi
 - Dalam usaha pembentukan sikap, pengalaman peribadi haruslah meninggalkan kesan yang kuat. Oleh itu, sikap akan lebih mudah terbentuk dari pengalaman peribadi terutama dalam hal melibatkan emosional.
- ii. Pengaruh orang lain
 - Pada umumnya, individu cenderung untuk memiliki sikap yang serupa dengan idola atau individu penting dalam hidup mereka. Kecenderungan ini adalah kerana dimotivasikan oleh keinginan untuk menjadi seperti idola atau orang yang dianggap penting itu tadi.
- iii. Pengaruh Budaya
 - Budaya sesebuah kaum itu sebenarnya telah mencorakkan sikap sesebuah kaum itu. Pengalaman serta budaya yang diamalkan akhirnya membentuk sikap yang seiring dengan budaya itu.
- iv. Media Massa
 - Berita serta cerita yang disampaikan oleh media massa mahupun elektronik sebenarnya membentuk sikap para pendengar serta pembacanya. Oleh itu, pengawalan untuk media massa perlu di pantau agar berita serta cerita negatif tidak mempengaruhi sikap sesebuah masyarakat.
- v. Institusi pendidikan dan Institusi Keagamaan
 - Konsep moral dan kerohanian yang diajar oleh institusi pendidikan serta institusi keagamaan sangat mempengaruhi sistem kepercayaan dalam sesebuah masyarakat.

vi. Faktor emosional

- Kadangkala, suatu bentuk sikap merupakan pernyataan yang didasari emosi dimana ia menzhirkan perasaan kecewa atau perubahan bentuk mekanisme diri.

2.1.5 Kajian Lepas Tentang Sikap

Jika ditinjau pada kajian lalu, terdapat dua kajian kelompok pengkaji berhubung kajian sikap pelajar terhadap mata pelajaran dan kaitannya dengan pencapaian akademik pelajar. Kelompok yang pertama mengemukakan hujah bahawa sikap pelajar terhadap mata pelajarannya mempunyai korelasi dengan pencapaian akademik manakala kelompok kedua memberikan bukti bahawa sikap pelajar sama ada terhadap sekolah dan mata pelajaran tidak ada hubungan langsung dengan kejayaan persekolahan tersebut. Kontroversi berkaitan dengan sikap dan pencapaian ini sebenarnya menghasilkan kaitan yang dinamik, kerana kajian seumpama ini tidak akan terhenti pada satu-satu masalah malah akan berkembang bagi mendapatkan dapatan yang baru serta saintifik.

Banyak kajian seumpama ini dibuat oleh Jordan (1940) menggunakan teknik soal selidik yang dimajukan oleh Thurstone dan Chave (1929) untuk menguji sikap pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Inggeris, Bahasa Perancis, Matematik, Sejarah dan Geografi dikalangan 231 pelajar berumur 11 dan 15 tahun di sekolah Utara London. Hasil ujian mendapati terdapat korelasi yang signifikan diantara sikap pelajar terhadap mata pelajaran dengan pencapaiannya. Fitt (1957) yang membuat kajian di Auckland New Zealand juga mendapati hubungan antara sikap pelajar terhadap mata pelajaran adalah mempunyai kaitan yang positif dengan pencapaian setelah beliau menggunakan soal selidik dikalangan 1244 orang pelajar di bandar itu. Lebih lanjut lagi beliau menunjukkan perubahan umur pelajar dari rendah ke peringkat menengah mempengaruhi sikap pelajar terhadap persekolahan mereka.

Bagaimanapun kajian yang dilakukan oleh Jackson dan Lahardame (1957) yang mengkaji pencapaian pelajar dan sikap mereka dikalangan pelajar grad 6 di enam buah sekolah di Chicago dengan menggunakan Ujian IQ Kulman Anderson dan Michigan Student Questionnaire (MSQ) telah gagal mencari korelasi yang jelas antara sikap pelajar dan pencapaiannya. Zulzana Binti Ibrahim (2011) mengenai

hubungan antara minat, sikap dengan pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran *Quantity Measurement* mendapati pelajar secara keseluruhannya mempunyai tahap minat yang tinggi (min keseluruhan = 3.79) dan mempunyai sikap yang sangat positif (min keseluruhan = 3.79) dengan mata pelajaran tersebut. Faktor minat mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian mereka dalam CC301 – Quantity Measurement. Sementara faktor sikap tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar. Kajian dilakukan terhadap 108 orang pelajar semester 3 Diploma Kejuruteraan Awam.

Kajian yang dijalankan oleh Azman (2003) dimana mendapati terdapat perbezaan sikap yang signifikan diantara pelajar tingkatan 4 dan tingkatan 5 terhadap mata pelajaran fizik. Ini menunjukkan para pelajar yang cemerlang dalam akademik akan mempunyai sikap yang tinggi serta memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pelajaran mereka. Pelajar mesti mempunyai sikap positif terhadap pelajaran mereka bagi memperolehi pencapaian cemerlang dalam akademik.

Kesimpulannya ada kemungkinan jaya gagalnya mencari pertalian antara sikap dengan pencapaian pelajar berkait rapat dengan teknik kajian dan bagaimana kajian itu dibuat. Umumnya kajian yang mengatakan ada pertalian antara keduanya lebih banyak dijumpai daripada sebaliknya. Justeru itu adalah wajar sikap pelajar diberikan perhatian kerana mengikut Remmers dan Gage (1943) “*what he perceive, what he remembers and in fact, what he think*” terhadap mata pelajaran tertentu adalah kesan yang langsung daripada “*type and degree of reinforcement which they have received in the process of learning*” Cohen (1966).

2.2 Kajian Tentang Pengetahuan Sedia Ada

Menurut Knowles (1980) mengatakan pengalaman yang ada pada pelajar adalah merupakan asas kepada aktiviti pembelajaran. Pengetahuan sedia ada adalah meliputi pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang itu sebelum mempelajari sesuatu yang baru. Setelah pembelajaran berlaku, individu tersebut akan cuba membuatkan perkaitan ilmu baru yang dipelajarinya dengan ilmu yang telah sedia ada. Jika lebih banyak pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang itu dalam sesuatu bidang, maka lebih mudahlah individu itu untuk memahami perkara yang baru dipelajarinya dalam bidang yang sama. Menurut Sazali (2007) dengan adanya ilmu yang terdahulu,

pelajar tersebut akan lebih mudah menerima dan mengajar rakan-rakannya yang lain. Dia juga akan menjadi pendorong kepada rakan-rakannya untuk mempelajari mata pelajaran tersebut.

Selain itu, Mok Soon Sang (2000) menyatakan bahawa pengetahuan sedia ada amat penting untuk penentuan objektif pelajaran dan isi pelajaran dan memudahkan guru untuk melakukan pemindahan pembelajaran serta menentukan pendekatan yang akan digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pengetahuan sedia ada pelajar ini penting untuk guru mengukur tahap kesediaan belajar pelajar supaya proses pengajaran dan pembelajaran yang akan dijalankan dapat berjalan dengan lancar dan suatu proses pembelajaran berkesan dapat dihasilkan. Mengikut Model Pengajaran Robert Glaser (1962), pengetahuan sedia ada disebut sebagai tingkah laku kemasukan yang meliputi kebolehan intelek, aras motivasi, penentu-penentu sosial dan budaya serta kebolehan pembelajaran para pelajar di dalam kelas. Menurut Mohd Sharani Ahmad (2003), pembelajaran ialah proses yang dimulakan dengan penanggapan rangsangan yang diterima oleh pancaindera. Setiap rangsangan itu diproses dan disimpan sebagai pengalaman. Seterusnya pengalaman yang tersimpan dapat digunakan bagi mencapai matlamat dan bagi menyelesaikan masalah. Oleh itu, pengetahuan sedia ada pelajar amatlah penting bagi seseorang pelajar dalam menghadapi proses pengajaran dan pembelajaran.

Perkara ini bertepatan dengan pernyataan Abu Zahari Abu Bakar (1988) bahawa manusia mudah belajar dan mengingat perkara-perkara yang ada pertaliannya antara satu sama lain. Abdullah Hassan (1996) yang telah membentuk beberapa prinsip pengajaran bahasa asing menyatakan bahawa pelajar dapat menerima pelajaran dengan lebih berkesan apabila menggunakan iktibar iaitu dengan memberi pelajar kebolehan untuk menerima pelajaran dengan cara melihat persamaan dan pertalian dalam bentuk-bentuk yang diajar.

2.2.1 Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham

Kaedah pembelajaran model konstruktivisme Lima Fasa Needham (Needham, 1987) kepada kumpulan sasaran yang merangkumi lima fasa berikut:

1. Orientasi

- Guru menyediakan suasana pembelajaran untuk merangsang dan menimbulkan minat murid terhadap pelajaran. Pelbagai cara dilakukan untuk mendapatkan perhatian murid. Antaranya ialah dengan menunjukkan tayangan video, keratan akhbar, teka-teki, lakonan dan simulasi.

2. Pencetusan idea

- Guru merancang pelbagai bentuk aktiviti seperti perbincangan kumpulan, menggunakan kaedah peta konsep serta membuat laporan dengan menghubungkan pengetahuan sedia ada dengan pengetahuan baharu yang akan mereka pelajari. Murid akan berbincang dalam kumpulan dan berkongsi pengalaman yang sama serta interaksi yang rapat sesama mereka. Guru perlu memainkan peranan sebagai fasilitator dengan membekalkan bahan pembelajaran dan membimbing murid untuk membuat pembelajaran inkuri atau pembelajaran berasaskan masalah yang diberi.

3. Penstrukturan semula idea

- Guru menyediakan aktiviti atau memberi tugas berstruktur untuk membolehkan murid mencabar idea asal mereka atau idea rakan, dan membina struktur pengetahuan sendiri yang lebih bermakna dan berkesan. Dalam fasa ini, kemahiran berbahasa akan membantu murid membuat pengubahsuaian atau penyusunan semula idea mengikut turutan dan setiap satu idea mempunyai kesinambungan idea yang kelihatan tersusun dan terancang. Peranan guru pula ialah mengukuhkan konsep atau idea yang tepat kepada muridnya.

4. Aplikasi idea

- Murid akan mengaplikasikan pengetahuan baru dengan menyelesaikan masalah dalam situasi baharu. Situasi ini dapat mewujudkan pemahaman yang baharu dan menggalakkan proses inkuiri di dalam diri murid.

5. Refleksi

- Murid membandingkan pengetahuan asal dengan pengetahuan baharu dan merenung kembali proses pembelajaran yang menyebabkan perubahan kepada idea mereka. Murid juga boleh membuat refleksi untuk melihat sejauh manakah idea asal mereka telah berubah. Guru boleh menggunakan kaedah penulisan sendiri, perbincangan kumpulan dan catatan peribadi murid untuk meneliti atau memantau tahap pemahaman murid-muridnya.

2.2.2 Pendekatan Konstruktivisme

Pendekatan konstruktivis dalam pendidikan merupakan satu inovasi tentang gaya pengajaran dan pembelajaran pada masa kini. Konstruktivisme menekankan kepada peranan murid dan guru sebagai pembimbing sahaja. Kelebihan pendekatan ini ialah murid berpeluang membina pengetahuan secara aktif melalui proses saling pengaruh antara pembelajaran terdahulu dengan pembelajaran terbaharu. Pembelajaran terdahulu dikaitkan dengan pembelajaran terbaharu. Perkaitan ini dibina sendiri oleh murid. Hal ini kerana menurut teori konstruktivisme ini, konsep-konsep yang dibina pada struktur kognitif seseorang akan berkembang dan berubah apabila ia mendapat pengetahuan atau pengalaman baru.

Menurut Subadrah Nair dan Malar Muthiah (2005), menjelaskan bahawa seseorang dapat membina konsep dalam struktur kognitifnya dengan pengetahuan yang sedia ada padanya dan proses ini dikenali sebagai “accretion”. Pendekatan konstruktivisme sangat penting dalam proses pembelajaran kerana murid digalakkan membina konsep sendiri dan menghubungkan perkara yang dipelajari dengan pengetahuan yang sedia ada pada mereka. Dalam hal ini, sekali gus murid dapat meningkatkan pemahaman mereka tentang sesuatu perkara.

2.2.3 Kajian Lepas Tentang Pengetahuan Sedia Ada

Jika ditinjau pada kajian lalu, banyak hujah yang memperkatakan mengenai pengetahuan sedia ada. Kajian Ahmad Arifin Sapar (2013) menyatakan dalam kajiannya bahawa pengetahuan sedia ada pelajar terhadap kata pinjaman Arab mampu mempengaruhi prestasi penguasaan seseorang pelajar. Ini menunjukkan pencapaian yang baik berhubung kait dengan pengetahuan sedia ada yang baik serta pengalaman lampau yang berulang.

Walker (2000) pula dimana dalam kajiannya menyatakan bahawa proses dalam otak yang mengaitkan pengetahuan sedia ada dengan perkara yang baru dipelajari, sebagai satu pemindahan (*transfer*). Walker turut menekankan, kekuatan proses ini bergantung kepada dua faktor iaitu; kesan pelajaran lepas ke atas apa yang dipelajari hari ini dan tahap perkara yang baru dipelajari akan berguna pada masa hadapan apabila maklumat yang baru diserapkan kepada proses-proses ingatan. Beliau menekankan, apabila satu perkara diperkenalkan dalam otak, ia akan mencari pengalaman yang lepas untuk mewujudkan perkaitan. Apabila perkaitan itu berlaku dengan sempurna, maka satu pencapaian yang besar berlaku. Ini dianggap sebagai satu pemindahan yang positif.

Siti Hawa (2005) menyatakan bahawa dalam mengorganisasikan pengalaman pembelajaran, terdapat tiga kriteria yang harus diikuti, Pertama ialah kesinambungan, di mana sesuatu unsur dalam pelajaran akan diulang berulangkali darimasa ke semasa. Oleh itu para guru dan perancang kurikulum haruslah menyediakan peneguhan kepada pengalaman pembelajaran yang dilakukan. Kedua, unsur-unsur dalam sesuatu bidang seharusnya mempunyai urutan. Dalam konteks ini, sesuatu unsur diajar pada peringkat awal dan akan diulangi lagi pada peringkat seterusnya. Implikasi daripada urutan ini ialah penyusunan unsur-unsur seharusnya tidak melanggar taturutan, di samping penambahan yang tidak keterlaluan. Ketiga pula ialah intergrasi, di mana penyelarasan haruslah dibuat agar setiap kali unsur yang sama timbul walaupun dalam konteks yang berlainan, percanggahan dapat dielakkan. Pengetahuan sedia ada dianggap antara aspek yang penting dalam mempengaruhi pencapaian pelajar. Seterusnya beliau menyatakan bahawa satu ciri penting dalam pembelajaran ialah latihan dan ulangan. Banyak pencapaian pembelajaran diperolehi daripada pengalaman yang berulang. Latihan menimbulkan kesempurnaan. Lebih

kerap sesuatu latihan itu dibuat, lebih kukuh lagi ia menjadi sebahagian daripada kebolehan yang sudah dipelajari. Siti Hawa (2005) yang memetik Farrant (1985).

2.3 Kajian Kaedah Pembelajaran Pelajar

Kewujudan pertalian yang kuat diantara sikap, kerajinan dan kesungguhan belajar dengan pencapaian akademik pelajar sememangnya tidak dapat dinafikan lagi. Banyak kajian yang dijalankan menunjukkan terdapatnya hubungan yang positif terhadap ketiga-tiga pertalian tersebut. Jika seseorang pelajar mempunyai sikap yang positif kerajinan dan kesungguhan untuk belajar, maka ini akan membantu meningkatkan pencapaian akademiknya.

Berdasarkan kajian dan pengalaman yang lepas menunjukkan bahawa pelajar boleh belajar secara efektif melalui pembacaan, pendengaran, penulisan, pengiraan dan pemikiran dalam kajian yang dilakukan (Devine,1987). Justeru itu, pendidik berperanan mempelbagaikan kaedah pengajaran yang dapat menggunakan kebolehan pelajar secara optima dalam menghasilkan proses pembelajaran yang berkualiti.

2.3.1 Kemahiran belajar

Kajian ini menumpukan kepada 6 jenis kemahiran belajar yang utama iaitu kemahiran mengurus masa, kemahiran membaca, kemahiran menulis nota, kemahiran membuat rujukan, kemahiran mendengar dan kemahiran menghadapi peperiksaan. Berikut huraian enam kemahiran belajar.

2.3.2 Kemahiran Membaca

Membaca adalah proses berfikir yang melibatkan pemikiran perkara tersurat, tersirat, menghubungkan idea, menyoal dan bertindak balas dengan memberi idea dan mengaplikasikan maklumat baru ke dalam situasi baru. Di peringkat pengajian tinggi, bahan bacaan merangkumi buku, jurnal, makalah, nota kuliah, potongan surat khabar, tesis dan bahan-bahan rencana yang berkaitan.

Keberkesanan dalam pembacaan adalah amat penting dan perlu ditekankan oleh para pelajar ketika membaca. Proses membaca yang berkesan memerlukan kemahiran yang tertentu sama ada sebelum, semasa ataupun selepas proses membaca. Untuk memperolehi keputusan yang cemerlang, seseorang pelajar perlu mempunyai kemahiran membaca yang betul. Biasanya pelajar akan melupai dan tidak memahami apa yang telah dibaca walaupun telah membaca dengan berulang kali. Keadaan ini sebenarnya menunjukkan bahawa cara membaca yang mereka gunakan tidak dapat menghasilkan kefahaman pembacaan yang maksimum. Untuk mengelakkan pembaziran masa, pelajar perlu mengetahui dan melatih diri membaca dengan betul berdasarkan kaedah-kaedah pembacaan ada. Kaedah pembacaan yang tidak betul akan menyebabkan pelajar berasa cepat bosan, kurang berminat dan cepat berasa mengantuk.

Saniah Sayuti et al. (2000) menyatakan bahawa kemahiran membaca biasanya terbahagi kepada dua bahagian yang utama iaitu membaca secara pantas dan membaca secara kritis. Contoh membaca secara pantas adalah seperti teknik sepintas lalu (*scanning*) dan bacaan sekilas (*skimming*). Untuk bacaan secara kritis pula adalah seperti teknik SQ3R (*Survey-Question-Read-Recite-Review*) dan teknik KWLH. Membaca secara pantas dengan menggunakan 'kaedah sepintas lalu' (*scanning*) ialah membaca keseluruhan muka surat dengan cepat secara sepintas lalu. Cara ini biasanya digunakan untuk mendapatkan maklumat tertentu atau isi-isi penting yang berkaitan dengan bahan yang dibaca. Membaca 'secara sekilas' (*skimming*) adalah dengan melompat untuk mendapatkan pandangan umum tentang sesebuah buku. Lazimnya cara ini adalah tertumpu kepada menumpu mencari isi kandungan, tajuk utama, rumusan pada akhir bab dan bibliografi. Kaedah dan teknik yang dinyatakan ini penting kepada pelajar untuk mengulangkaji bahan bacaan untuk bersedia untuk peperiksaan.

2.3.3 Kemahiran Menulis Nota

Menulis nota merupakan aktiviti yang sangat penting kepada pelajar terutamanya mereka yang melanjutkan pelajaran di pusat pengajian tinggi. Kemahiran mencatat nota yang efektif penting dalam proses pembelajaran di universiti kerana kuliah yang

RUJUKAN

Abdur Rahman an-Nahlawi. 1995. *Pendidikan Islam di rumah, sekolah dan masyarakat*. Jakarta: Penerbit Gema Insani.

Abdul Jalil Othman, 1997. *Pendidikan Untuk Sekolah Berkesan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

Alias Baba (1997). *Statistik Penyelidikan Dalam Penglibatan dan Sains Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Arifin Sapar (2013), *Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Kata Pinjaman Bahasa Arab Berasaskan Pengetahuan Sedia Ada*, The Online Journal Islamic.

Azman B Idris (1994). *Satu tinjauan Mengenai Masalah Pencapaian Akademik Bekas Pelajar Pelajar SPMV Yang Sedang Mengikuti Kursus Diploma Di Universiti Teknologi Malaysia Kampus Skudai, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia

Aminah (2008). Utusan Malaysia. 2008. 17 Jun

Azwar (2005), *Penyusunan Skala Psikologi*, Pustaka Pelajar, Offset cetakan ke V

Alias Baba. (1989). *Beberapa Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Kimia*. Jurnal Pendidikan, 13 & 14, 19-27.

Azman bin Jusoh (2003) Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim, *Sikap Pelajar Terhadap Fizik Di Sekolah Kawasan Felda. Satu Kajian Kes*.

Abdullah Hassan. (1996). *Isu-isu Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abu Zahari Abu Bakar. (1988). *Memahami Psikologi Pembelajaran*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.

Abdul Ghani Awang (1996). *Kemahiran Belajar Di Institusi Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Abdul Rahim Selamat (1989). *Belajar Cara Belajar*. Kuala Lumpur: Nurin Entreprise.

Azizi Bin Yahaya & Syazwani Binti Abdul Razak (2010), *Teori Berkaitan Gaya Pembelajaran Dan Kaedah Pengajaran*.

Nurul Akmar Binti Kamaruddin, Saifullizam bin Puteh (2005), *Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam menguasai mata pelajaran kejuruteraan di Politeknik-politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia*.

Bone, D. (1988). *A Practical Guide To Effective Listening*. London: Kogan Page Ltd.

Bohner, G., & Wänke, M. (2002). *Attitudes and attitude change*. Hove, UK: Psychology Press

Best J. W dan Kahn, J. V (1998). *Research In Education*. 8 th ed. M.A: Allyn and Bacon

Crow & Crow (1980). *Psikologi Pendidikan untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Carmen, R.A. dan Adams, W.R. (1984). *Study Skill*. Canada: John Wiley & Sons, Inc.

Cohen, L. and Manion, L (1985). *Research Methods in Education*. London: Croom-Helm.

Chave (1929) dalam Yusuf Boon (2008) *Permasalahan Dalam Pendidikan Sains Dan Matematik*, Penerbit UTM.

Dalen (1979) dalam Suhaila Salleh (2003), *Masalah Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Matematik Di Kalangan Pelajar KUTKM*.

Dell H. Hymes (1986), *Directions in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication*, Oxford: Basil Blackwell

Dale. E. 1969. *Cooperative Learning*. New Brighton: Interaction Books.

Dr Baharin Abu et al (2007), *Kepelbagaian Gaya Pembelajaran Dan Kemahiran Belajar Pelajar Universiti Di Fakulti Pendidikan*, Utm Johor.

Ea Ah Meng (2003). *Ilmu Pendidikan : Pengetahuan dan Keterampilan Ikhtisas*. Kuala Lumpur:

Edwards, P. (1991). *Seven Keys To Successful Study*. K. Lumpur: S. Abdul Majeed & Co.

Gagne.R.(1985). *The Conditions Of Learning*, NewYork. Holt, Rinehart And Winston.

Good, C.V. (1973). *Dictionary of Education*. New York : Mc Graw Hill Book.

Gurmit Kaur a/p Gurcharam Singh (2004). *Amalan Kemahiran Belajar Pelajar Tahun 4 Program SPN, SPG, SPC dan SPF di Fakulti Pendidikan*, Universiti Teknologi Malaysia. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan PSM.

Heri Purwanto (1998) *Membentuk Sikap Positif*, Daftar Pustaka.

Howe, A. (1986). *How To Study*. London: Kogan Page Ltd.

Hasnan Kasan (1994). *Ke Arah Studi Cemerlang*. Seremban: Graphic Art & Design.

Hanifi Ismail (2001). *Tujuh Cabaran Menjadi Pelajar Cemerlang*. Cetakan Kedua. K. Lumpur: Al-Hidayah Publishers.

Hee Jee Mei & Siti Liyana Binti Mohamad Yusuff, (2011), *Hubungan Antara Tahap Motivasi Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Pendidikan Jarak Jauh* Universiti Sains Malaysia.

Hornby (1985) dalam Nor Hidayah Binti Mohamed (2004). *Pembinaan E-Modul Mata Pelajaran Hidrologi : Kajian Di Politeknik Shah Alam*. Tesis, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Hasan Mohd. Ali (1996). *Strategi Belajar Yang Berkesan*. K. Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Jabar Ibrahim (1992). *Lulus Peperiksaan*. K. Lumpur: Syarikat S. Abdul Majeed.

Jordan (1940) dalam Yusuf Boon (2008) *Permasalahan Dalam Pendidikan Sains Dan Matematik*, Penerbit UTM.

Knowles, M. S. (1980) *The Modern Practice of Adult Education. Andragogy versus pedagogy*, Englewood Cliffs: Prentice Hall/Cambridge.

Kerlinger , F.N (1973). *Foundations of behavioral research*. Fort Worth: Holt, Rinehart and Winston

Krueger, R.A. 1994. *Focus group: A practical guide for applied research*. Ed. Ke-2. Thousand Oaks: SAGE Publications.

Mohd Sharani Ahmad, Zainal Madon dan Mohamad Ibrani Shahrinin Adam Assim (2003). *Psikologi Pembangunan Manusia*. Universiti Putra Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Mohd Daud Hamzah (1990). *Emosi Dalam Pembelajaran*. K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Nashuha Jamidin et al. (1999). *Kemahiran Berfikir Dan Belajar*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Muhammad Kamil Abdul Samad (1999). *Bagaimana Anda Belajar Dan Cemerlang*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa

Mohd Khairi bin Abdul Rahman et al (2012), *Amalan Gaya Pembelajaran Dalam Peningkatan Prestasi Akademik Di kalangan Pelajar Jurusan Perakaunan Kolej Matrikulasi Melaka*.

Mohammad Najib Abdul Ghafar.(1999). "*Penyelidikan Pendidikan*".1st Edition. Johor Bahru.

Muhamad Abdillah Royo & Haleefa Mahmood (2011), *Faktor-Faktor Kelemahan Yang Mempengaruhi Pencapaian Cemerlang Dalam Mata Pelajaran Reka Cipta*.

Mohd Fadzli Ismail, Mohd Sukki Othman (2012), *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab : Satu Tinjauan Di Smap Kajang*.

Manson, E.J. dan Bramble, W.J. (1997). *Research In Education*. Kerper Boulevard, USA : Brown & Benchmark Publication.

Mok Soon Sang (2000). *Pedagogi II: Perlaksanaan Pengajaran*. Shah Alam: Fajar Bakti.

Mok Soon Sang (1996). "*Pedagogi I: Kurikulum dan Pengurusan Bilik Darjah.*" Kumpulan Budiman Sdn. Bhd, Kuala Lumpur

Nik Aziz (1990). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Aziz Nik Pa. (1999). *Pendekatan konstruktivisme radikal dalam pendidikan Matematik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Needham, R. (1987). *Teaching strategies for developing understanding in science*. The University Leeds: Centre for Studies in Science and Mathematics Education

Pauk, W. (1984). *How To Study In College*. Boston: Houghton Mifflin Company.

Padilah Ali (1986). *Petua Membuat Nota Yang Baik*. Dewan Siswa, 23.

Padilah Ali (1994). *Teknik Belajar Untuk Kejayaan*. K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pfeifer, J.E. dan Ogloff, J.R.P. (1991). *Making The Grade: Strategies For Succeeding At University*. Canada: Department Of Psychology, Simon Fraser University, Burnaby.

Robert Glaser, Ed., Wiley, New York, 1962, *Science editions paperback* (original copyright 1962, by University of Pittsburgh Press)

Roslihah Binti Mat Nor (2006). *Kecemerlangan Akademik Pelajar Sekolah Menengah Harian Biasa : Satu Kajian Kes Di Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Mahmud Besut, Terengganu*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Projek Sarjana Muda.

Rashidi dan Abd.Razak.(1996). *Pengajian Dalam Bilik Darjah."Kaedah Dan Strategi"*. Kajang Selangor.Penerbit Masa Enterprise.

Siti Hawa Mohd Nawawi. (2005). *Perbandingan Pencapaian dan Sikap Pelajar dengan Tahap Pengetahuan Sedia Ada dalam Kajian Rekaan Seni Visual*. Tesis Sarjana, tidak diterbitkan. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Subadrah Nair & Malar Muthiah. (2005). *Penggunaan model konstruktivisme lima fasa Needham dalam pembelajaran sejarah*.Jurnal Pendidik dan Pendidikan.

Zurainu Mat Jasin, Abdull Sukor Shaari (2012), *Keberkesanan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham Dalam Pengajaran Komsas Bahasa Melayu*.

Saniah Sayuti, Yeo, Kee Jiar, Ahmad Johari Sihes, dan Azlina Mohd Kosnin (2000). *“Psikologi Pendidikan”*. Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia

Salihan Siais (1991). *Teknik Belajar Berkesan*. Kuala Lumpur: Siri Maju Sdn. Bhd.

Saliha Binti Said (2004). *Amalan Kemahiran Belajar di Kalangan Pelajar Bumiputera. Satu Kajian Kes di Sekolah Menengah Teknik Pengkalan Chepa, Kelantan*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.

Siti Hawa Munji (1987). *Kajian Penggunaan Teknik Belajar Oleh Pelajar-pelajar Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Sarawak*. Sarawak: Universiti Pertanian Malaysia.

Sazali (2003) dalam Abdul Rahim Hamdan, Sarah Liyana Ab Latif (2011), *Kesediaan Pelajar Mempelajari Mata Pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam Di Sekolah Menengah Teknik Muadzam Shah, Pahang*.

Toh Hon Leong (2000). *Rahsia Pelajar Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors. Sdn. Bhd.

Uma Sekaran (2000). *Research methods for bussiness: A skill building aproach*. New York : Jon Wiley & Son Inc.

Walker, T. (2000). *10 Best Teaching Practices*. California: Corwin Press, Inc.

Wan Izzuddin Wan Sulaiman dan Wan Hasni Wan Sulaiman (1991). *Strategi Belajar Yang Berkesan*. Kuala Lumpur: Sabha-DTP Services Sdn. Bhd.

Wiersma, W. 2000. *Research method in education: an introduction*. Needham Heights: Allyn & Bacon.

Zulzana Binti Zulkarnain, Mohamed Bin Saim, Roslina Binti Abd Talib (2011), *Hubungan Antara Minat, Sikap Dengan Pencapaian Pelajar Dalam Kursus CC301 – Quantity Measurement*.

Zulkarnain Zakaria (2001), *Analisis Data Menggunakan Spss Windows*, Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Zainal Abidin Bin Zainuddin, Jasmi Ismail & Afrinaleni Binti Suardi (2011), *Keberkesanan Kaedah Konstruktivisme Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Matematik*.